

SYARAT-SYARAT BAHARU BAGI PENGGUNA BAS BEST KOMTAR

1. Perkhidmatan BEST KOMTAR terbuka kepada semua penjawat awam tanpa mengira gred termasuk syarikat-syarikat Government Link Company (GLC) yang bekerja di sekitar KOMTAR;
2. Bayaran **RM100.00 sebulan** bagi setiap pengguna BEST KOMTAR.
3. **Urusan pembelian/pembaharuan Pas Mutiara bagi perkhidmatan BEST KOMTAR hanya boleh dibuat di Kiosk Rapid Penang, Terminal KOMTAR sahaja (waktu operasi: 8.00 pagi-9.00 malam).** Sebarang kehilangan kad Pas Mutiara, pengguna BEST KOMTAR diminta untuk berhubung dengan pihak Rapid Penang untuk aduan & proses penggantian.
4. Pengguna perlu menaiki perkhidmatan ini setiap hari dan menepati masa pergi dan balik seperti ketetapan berikut:

LALUAN	WAKTU PAGI	WAKTU PETANG
Kiosk Bertam, SPU	6.30 am	5.20 pm
Hotel Blanket, SPT	6.50 am	5.20 pm
Jawi, SPS	6.30 am	5.20 pm
Balik Pulau, DBD	6.40 am	5.20 pm

5. Pengguna wanita bagi perkhidmatan BEST KOMTAR yang bakal melahirkan anak perlu memaklumkan kepada pentadbiran ini **sekurang-kurangnya dua (2) bulan** sebelum tarikh mula bercuti (*maternity leave*), bagi pentadbiran ini mendapatkan pengganti. Pengganti tersebut juga perlu membuat pembayaran bulanan seperti yang telah ditetapkan untuk tempoh selama dua (2) atau tiga (3) bulan.
6. Pengguna BEST KOMTAR haruslah memaklumkan kepada pentadbiran ini **sekurang-kurangnya dua (2) bulan** sebelum **Penamatan** sebagai pengguna BEST KOMTAR.
7. Segala permohonan pembelian pas bulanan tempat meletak kenderaan adalah di bawah **tanggungjawab pengguna perkhidmatan BEST KOMTAR** itu sendiri.
8. Tempoh maksimum penggunaan perkhidmatan BEST KOMTAR ini adalah selama **2 tahun**. Pengguna perlu memohon semula perkhidmatan ini selepas **2 tahun** bagi memberi peluang kepada pengguna yang lain.
9. Pengguna-pengguna BEST KOMTAR akan dinilai melalui prestasi kerja di Jabatan masing-masing berdasarkan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT). Setiap pengguna BEST KOMTAR perlu memperolehi markah LNPT sebanyak 85% dan ke atas bagi memastikan kelayakan diri sebagai pengguna BEST KOMTAR.
10. Pentadbiran ini berhak untuk mengambil sebarang tindakan kepada pengguna yang melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan.
11. Sebarang pertanyaan, aduan dan cadangan boleh disalurkan terus kepada pentadbiran ini melalui email limhockseng@penang.gov.my atau di talian **04-6505789**

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
Seksyen Pengangkutan
Bahagian Perancang Ekonomi Negeri
Paras 56, KOMTAR
10503 PULAU PINANG.

HUB PICK UP POINT

DAERAH SEBERANG PERAI UTARA (SPU) KIOSK BERTAM



DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH (SPT) HUB: HOTEL BLANKET SEBERANG JAYA



**DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN (SPS)
HUB: PEJABAT DERAH DAN TANAH SPS, JAWI**



**DAERAH BARAT DAYA (DBD)
HUB: TERMINAL BAS BALIK PULAU**

